

Klinik Bahasa Arab: Langkah Meningkatkan Prestasi Guru dan Pelajar Bagi Menyelesaikan Masalah Pengusaan Bahasa Arab

Kod Projek: PTS -2011-104

Khairuzaman Kadir (Ketua Projek), Ummu Hani Hashim & Zainuddin Ismail

Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) bukanlah satu perkara yang bersifat statik atau jumud namun ia adalah satu proses yang hidup dan sentiasa menerima perubahan dari masa ke semasa mengikut keperluan manusia. Oleh yang demikian, pendekatan yang diamalkan oleh para tenaga pengajar atau pensyarah sudah pasti berbeza mengikut matapelajaran, objektif P&P, falsafah, kehendak dan tuntutan sesuatu institusi. Di atas pengalaman ini, maka P&P bahasa Arab di Unit Bahasa Arab Fakulti Pengajian Islam, UKM tidak terlepas dari arus perdana ini. Unit Bahasa Arab juga wajar sentiasa peka dengan perkembangan zaman dan seterusnya menyusun serta mencari pendekatan terbaik dalam proses P&P bahasa Arab sejajar dengan gagasan UKM 'Mengilham Harapan Mencipta Masa Depan'.

Maka dengan kesedaran ini, Unit Bahasa Arab FPI UKM dengan penuh rasa akauntabiliti telah mengorak langkah berusaha gigih menyusun serta memperbaiki *turuq tadris* bahasa Arab agar sejajar dengan arus perdana. Para guru juga telah mengikuti pelbagai kursus kemahiran serta bengkel demi untuk mempertingkatkan kualiti profesionalisme sebagai tunggak utama P&P bahasa Arab di FPI, UKM. Modul-modul yang dibina adalah berasaskan kepada tuntutan semasa dengan menfokus kepada empat kemahiran bahasa iaitu kemahiran membaca, kemahiran bertutur, kemahiran menulis dan kemahiran mendengar. Penggunaan ICT tidak diketepikan bahkan ia menjadi tanda aras utama kepada pelaksanaan P&P empat kemahiran tersebut.

Sebagai sunnatullah, dalam setiap perkara pasti ada kekangan dan permasalahan yang timbul, namun kehadiran masalah adalah satu proses kematangan bagi mana-mana institusi. Apa yang penting ialah kebijaksanaan sesebuah institusi itu menangani serta menyelesaikan problem serta masyaqqah tersebut. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti sebarang permasalahan yang timbul dalam P&P bahasa Arab di Unit Bahasa Arab FPI UKM. Di samping bertujuan memperbaiki dan mempertingkatkan amalan menerusi perkembangan peribadi dan profesional seseorang guru dalam mewujudkan persekitaran P&P yang kondusif dan dinamis.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengetahui pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di FPI UKM.
2. Membantu pelajar menyelesaikan permasalahan dalam pembelajaran bahasa Arab.
3. Membukukan setiap penemuan permasalahan dan cara penyelesaiannya sebagai rujukan dan panduan asas kepada para pengajar dan pelajar pada masa akan datang.

METODE KAJIAN

1. Kaedah soal selidik, terdapat dua bentuk soalan yang digunakan, iaitu soalan tertutup dan soalan terbuka.
2. Kaedah temu bual dengan pelajar yang menghadapi masalah pembelajaran bahasa Arab. Terdapat dua bentuk soalan yang digunakan, iaitu soalan berstruktur dan soalan tidak berstruktur.
3. Kaedah tinjauan dan pemerhatian terhadap amalan guru dan para pelajar dalam pelaksanaan P&P dan seterusnya merekodkan segala hasil pemerhatian tersebut.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Abd. Ghani (1993) membuat kajian tentang masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Terendak. Di samping itu, kajian ini juga cuba mengenal pasti faktor-faktor yang menjadi punca kelemahan pengajaran bahasa tersebut. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar tidak jelas tentang matlamat pembelajaran Bahasa Arab. Sebahagian besar daripada mereka mempunyai minat yang rendah, tidak bercita-cita untuk melanjutkan pelajaran Bahasa Arab ke peringkat lebih tinggi, tidak mempunyai peluang bertutur dan mengamalkan apa yang telah dipelajari di dalam atau di luar kelas. Mereka juga sukar memperolehi bahan-bahan bacaan dalam Bahasa Arab. Kajian ini juga mendapati guru-guru kurang menggunakan alat bantu mengajar. Mereka juga sukar memperolehi bahan-bahan bacaan di dalam Bahasa Arab, kurang mendapat latihan dalam bidang pengajaran Bahasa Arab, tetapi mempunyai pengalaman mengajar Bahasa Arab. Mereka menggunakan kaedah gabungan antara kaedah nahu-terjemahan dengan kaedah terus yang memberi peluang kepada guru-guru bertutur di dalam Bahasa Melayu semasa pengajaran. Para guru dan juga pelajar didapati tidak mengadakan aktiviti-aktiviti ko-kurikulum bagi Bahasa Arab.

Wan Azura Wan Ahmad et al. (2006) menyatakan bahawa pelajar perlu menguasai pengetahuan yang mantap dalam kedua-dua subjek asas (Nahu dan Saraf) bahasa Arab bagi menguasai kemahiran menulis. Sebenarnya penulisan merupakan satu platform latihan terbaik bagi menggilap kemahiran Nahu dan Saraf (Morfologi) serta mempraktikkan apa yang dipelajari dalam kelas dengan melakukan aktiviti dapat memahirkan pelajar dalam kemahiran ini. Rosni Samah (2009) menyatakan bahawa terdapat juga permasalahan yang timbul dalam proses pengajaran bahasa Arab di sekolah-sekolah agama. Hal ini kerana proses pengajarannya banyak terpengaruh dengan sistem pengajaran pondok. Terdapat isu yang ditimbulkan berhubung dengan pendekatan pengajaran dan kurang penguasaan pelajar terhadap bahasa tersebut.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)

1. Ahmad Abd Rahman, Zamri Arifin, Mohd Shukari Hamzah, Moktar Hussain, Al Muslim Mustapa, Md Zaki Mat, Khairuzzaman Kadir & Khazri Osman. 2011. *°Ard namadhij li al-baramij al-hasubiyah al-mustakhdamah fi ta°lim wa ta°allum Maharat al-Muhadathah wa al-Khatabah*. al-Mu°tamar al-Dawli li Ta°lim al-Lughat al-°Arabiyah 2011 di BFSU Beijing, China.
2. Khairuzaman Kadir & Mat Taib Pa. 2011. *al-Mashaqqah al-lati yuwajihuha al-tullab al-Maliziyyin fi ta°lim al-Lughat al-°Arabiyah*. al-Mu°tamar al-Dawli li Ta°lim al-Lughat al-°Arabiyah 2011 di BFSU Beijing, China.

Persidangan/Bengkel

1. Bengkel Pembinaan Soal Selidik. 24 Ogos 2011. Bilik Mesyuarat Syariah, FPI.
2. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011(SAPBA). 5-7 Disember 2011. Beijing Foreign Studies University, China.
3. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. 17-20 Disember 2011. Hotel Vistana, Pulau Pinang.

PERBELANJAAN

:: LAPORAN PERBELANJAAN MENGIKUT V SERIES

Kod Penyelidikan : PTS-2011-104
Kod Peruntukan : 14-23-02-104

Vote	Keterangan	Agihan	Tambah	Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
V00000	Miscellaneous	15,000.00	0	0	0	15,000.00	0	0	15,000.00
V26000	Research Materials & supplies	0	0	0	0	0	0	8,424.00	-8,424.00
V35000	Special Equipment & Accessories	0	0	0	0	0	0	4,550.00	-4,550.00
Jumlah	Keseluruhan	15,000.00	0	0	0	15,000.00	0	12,974.00	2,026.00

KESIMPULAN

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan kepada penyelesaian permasalahan yang timbul dalam P&P bahasa Arab, sama ada yang dihadapi oleh para tenaga pengajar ataupun pelajar. Semoga dengan penrekodan penemuan kajian akan dapat mempercepatkan para guru dan pelajar menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam skop Pengajaran & Pembelajaran bahasa Arab.

RUJUKAN

Abd. Ghani Jalil. 1993. *Masalah pengajaran dan pembelajaran Bahasa Arab di Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) Terendak*. Diperoleh 22 Mac 2012 daripada www.gemaislam.net/e-tesis_ba/1.htm.

- Nik Rahimi, Qamaruzzaman & Muwaffak. 2008. *Fan tadrīs al-Lughah al-^cArabiyyah li ghayr al-^cArab*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mohd Marwan & Wan Moharani. 2008. *Kajian Tatabahasa Arab Dahulu dan Sekarang*. Nilai: Penerbit USIM.
- Mok Soon Sang. 2002. *Ilmu Pendidikan Untuk KPLI (Kursus Perguruan Lepas Ijazah)*. Penerbit: Kumpulan Budiman
- Rosni Samah. 2009. *Pendekatan Pembelajaran Kemahiran Bahasa Arab Untuk Pelajar Bukan Penutur Jati dan ISU Pembelajaran Bahasa Arab Di Malaysia*. Nilai: Penerbit USIM.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan . 2006. *Pendekatan Dan Strategi Efektif Dalam Pengasaan Bahasa Arab*. Nilai: Penerbit USIM.